

Headline	Penerbangan terus jemaah haji dari Alor Setar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	24	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	306 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,103
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,309



Penerbangan terus jemaah haji dari Alor Setar

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Jemaah yang berada di Kedah bakal menikmati kemudahan untuk menunaikan haji dan umrah di Tanah Suci secara terus ke Madinah melalui tiga penerbangan September tahun ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, jemaah di utara tanah air itu akan diterbangkan terus tanpa perlu membuat hentian di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terlebih dahulu.

"Pada 9 September ini buat pertama kalinya jemaah yang menaiki kapal terbang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Alor Setar akan diterbangkan terus ke Madinah. Penerbangan terus itu merupakan yang ketujuh dilakukan di negara ini.

"Mereka juga sangat bertuah kerana Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah akan turut berangkat melepaskan jemaah untuk menunaikan rukun Islam kelima itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

hadir merasmikan Pameran Al-Hajj: Pengalaman Malaysia di Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini hari ini.

Pameran tersebut diadakan bagi menterjemahkan aspirasi dan iltizam Lembaga Tabung Haji bersempena ulang tahun ke-50 institusi pengurusan haji utama di Malaysia itu.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pengarah Eksekutif Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Ismee Ismail berkata, pameran tersebut akan membawa para pengunjung mendalami rukun ibadah haji, di samping menambah pengetahuan tentang salah satu perhimpunan ziarah suci terbesar di dunia itu.

"Pengurusan haji bukanlah satu perkara yang mudah, namun telah melalui pelbagai proses perubahan melalui program yang dilakukan oleh Tabung Haji dan pameran ini dapat membantu rakyat untuk melihat sendiri evolusi tersebut," ujarnya.



JAMIL Khir Baharom bersama Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ismee Ismail melihat kotak Sahara yang digunakan oleh jemaah haji Malaysia pada majlis perasmian Pameran Al-Hajj: Pengalaman Malaysia di Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI